

27 AUG 1999

Osu-Islam

PENTADBIRAN ISLAM DIKEMAS KINI

TAWAU, 27 Ogos (Bernama) -- Hasrat kerajaan mengemaskinikan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri ini bertujuan antara lain memartabatkan sistem kehakiman syariah, kata Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Usaha itu juga termasuk pembinaan sekolah-sekolah agama dan pusat-pusat beribadat termasuk masjid Tawau yang bernilai RM35 juta, katanya.

Semua ini merupakan keperluan asas untuk pembinaan umat Islam yang cemerlang di samping memupuk rasa muhibah di kalangan semua pihak, katanya dalam ucapan pada Forum Perdana Ehwat Islam di sini malam tadi. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Abdul Manan Jakasa.

Forum itu anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), RTM dan Majlis Perbandaran Tawau. Ia diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-42 dan dihadiri kira-kira 6,000 orang dari sekitar bandar ini, Lahad Datu, Kunak dan Semporna.

Osu juga berkata rakyat harus bersyukur dan menghargai perjuangan pemimpin yang terdahulu untuk menebus kembali maruah dan kemerdekaan negara.

"Perjuangan menuntut kemerdekaan tanpa titisan darah anak-anak pribumi adalah perjuangan yang besar ertinya," katanya.

Osu juga menggesa umat Islam supaya bersiap sedia menghadapi pelbagai cabaran khasnya dalam alaf baru.

"Kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seharusnya menghantar isyarat kepada kita untuk menyahut cabaran bagi menguasai sains dan teknologi khasnya teknologi maklumat untuk memungkinkan kita berupaya bersaing di pentas kemajuan antarabangsa," kata Osu.

-- BERNAMA

IL NMO